

LAMIVUDINE TABLETS 150MG/300MG

Lamivudine 150mg/300mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Lamivudine Tablets
2. Bagaimana Lamivudine Tablets berfungsi
3. Sebelum mengambil Lamivudine Tablets
4. Cara menggunakan Lamivudine Tablets
5. Semasa menggunakan Lamivudine Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Lamivudine Tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini risalah

Apakah kegunaan Lamivudine Tablets

Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg berasal dari satu kelas ubat antiviral, yang juga dikenal sebagai antiretrovirals, iaitu nucleoside analogue reverse transcriptase inhibitors (NRTIs). Antiretrovirals digunakan untuk merawat jangkitan Human Immunodeficiency Virus (HIV), iaitu AIDS.

Bagaimana Lamivudine Tablets berfungsi

Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg digunakan dalam kombinasi terapi antiretroviral untuk mengubati jangkitan HIV (AIDS). Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg mengurangkan bilangan virus HIV di dalam badan dan mengekalkannya pada paras rendah. Ia juga meningkatkan bilangan sel CD4. Sel CD4 adalah satu jenis sel darah putih yang memainkan peranan yang penting dalam memelihara sistem imunisasi yang sihat untuk membantu mencegah jangkitan.

Keberkesanan Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg berbeza di antara pesakit. Doktor anda akan mengawasi keberkesanan rawatan anda.

Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg kemungkinan boleh memulih

keadaan anda, tetapi ia tidak boleh menyembuh jangkitan HIV.

Jangkitan HIV adalah satu penyakit yang disebar melalui perhubungan dengan darah atau perhubungan seks dengan individu yang berjangkit.

Rawatan dengan Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg tidak mengurangkan risiko penyebaran jangkitan HIV kepada orang lain melalui perhubungan seks atau pertukaran darah. Oleh itu, anda harus berterusan untuk mengambil pencegahan untuk mengelakkan daripada menyebarkan virus tersebut kepada orang lain.

Semasa rawatan, jangkitan lain yang diakibatkan oleh sistem imunisasi yang lemah (infeksi oportunistik) mungkin timbul.

Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg bertindak dengan menghalang sel human immunodeficiency virus (HIV) daripada berkali-ganda di dalam badan anda. Tindakan utama adalah sebagai penamat rantai (*chain terminator*) bagi virus reverse transcriptase.

Sebelum mengambil Lamivudine Tablets

Bila tidak boleh mengambil Lamivudine Tablets

Jika anda mengalami alergi

Anda tidak boleh mengambil Lamivudine Tablets 150mg/300mg jikalau anda alah kepada ramuan

Lamivudine atau mana-mana ramuan lain yang terdapat di dalam Lamivudine Tablets 150mg/300mg.

Periksa dengan doktor anda jikalau keadaan ini berkaitan dengan anda.

Jika anda menghidap penyakit buah pinggang

Bincang dengan doktor anda jikalau anda menghidap penyakit buah pinggang. Dos yang biasa disyorkan mungkin perlu dikurangkan jikalau anda menghidap penyakit buah pinggang.

Jika anda menghidap penyakit hati

Sila bincang dengan doktor anda jikalau anda menghidap penyakit hati.

Pesakit dengan penyakit kronik hepatitis B atau C yang dirawat dengan ubat antiretroviral mempunyai risiko yang tinggi dan berpotensi menghidap kesan kerosakan hati dan mungkin memerlukan ujian darah untuk mengawal fungsi hati.

Jikalau anda menghidap infeksi kronik hepatitis B, anda tidak boleh menghentikan rawatan anda tanpa arahan daripada doctor anda kerana penyakit hepatitis anda mungkin berulang lagi. Keadaan ini bertambah lebih teruk jikalau anda mempunyai penyakit hati yang serius.

Dalam sesetengah pesakit dengan infeksi HIV yang berlanjutan dan pernah menghidap infeksi oportunistik, tanda-tanda dan simptom-simptom peradangan dari infeksi sebelumnya mungkin muncul kembali selepas rawatan anti-HIV bermula. Dipercaya bahawa simptom-simptom ini adalah kesan daripada penyembuhan reaksi imunisasi badan, membolehkan badan melawan jangkitan yang mungkin hadir di dalam badan tetapi tidak ada simptom yang jelas. Jikalau anda memerhati simptom-simptom infeksi, sila beritahu doktor anda dengan serta-merta.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru telah mengambil

ubat lain, termasuk ubat yang didapati tanpa preskripsi. Ubat-ubatan ini mungkin mengganggu tindakbalas

Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg, atau sebaliknya.

Ubat-ubat yang disenaraikan berikut tidak boleh dimakan bersama-sama dengan

LAMIVUDINE TABLETS 150MG/300MG

Lamivudine 150mg/300mg

Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg:-

- *Trimethoprim 160mg/ Sulfamethoxazole 800mg*
- *Lamivudine dan zidovudine* berkombinasi dengan *zalcitabine*

Cara menggunakan Lamivudine Tablets Berapa banyak harus diambil

Ambil ubat seperti yang dipreskripsi kepada anda. Jangan ambil lebih daripada yang dipreskrib dan jangan ambil untuk masa yang lebih panjang daripada yang ditetapkan oleh doktor anda.

Dos biasa yang disyorkan setiap hari adalah seperti berikut:

Dewasa dan Kanak-kanak >16 tahun

Dos biasa yang disyorkan untuk Lamivudine bagi pesakit HIV-1 untuk orang dewasa dan kanak-kanak >16 tahun ialah 300 mg setiap hari, diambil sebagai 150mg dua kali sehari atau 300mg satu kali sehari, dengan kombinasi dengan ubat antiretroviral lain.

Jika anda mempunyai Masalah buah pinggang

Doktor anda akan menyesuaikan dos mengikut fungsi buah pinggang anda.

Jika anda mempunyai Masalah Hati

Tidak perlu ada dos penyesuaian dalam pesakit yang menghadapi penyakit hati yang sederhana atau serius kecuali disertai dengan penyakit buah pinggang.

Warga Tua

Ikut nasihat doktor anda tentang dos yang anda perlu mengambil.

Bila perlu diambil

Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg boleh ditelan seluruhnya dengan menggunakan air; ia boleh dimakan dengan atau tanpa makanan.

Jikalau anda tidak dapat menelan seluruh tablet, anda boleh menghancurkannya dan bancuhkan bersama sedikit makanan atau minuman, dan telan seluruh dos itu dengan segera.

Selalu mengambil Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Sila periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda jikalau anda tidak pasti.

Berapa lama perlu diambil

Anda perlu mengambil Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg setiap hari untuk mengelakkan penyakit anda daripada bertambah teruk. Anda masih boleh menghadapi jangkitan lain yang berkaitan dengan infeksi HIV.

Selalu berhubung dengan doktor anda, dan jangan henti mengambil Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg tanpa arahan doktor.

Jika terlupa mengambil

Jikalau anda terlupa ambil satu dos ubat, makan dos itu dengan segera sebaik sahaja anda mengingatnya. Kemudian, sambung rawatan anda seperti biasa.

Jangan ambil dua dos untuk menggantikan dos yang tidak diambil.

Jika terlebih dos

Jikalau anda terlebih ambil ubat Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg, ia kemungkinan tidak akan menyebabkan masalah yang sangat serius. Walaubagaimanapun, jikalau anda terlebih ambil ubat, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera atau hubungi unit kecemasan hospital berhampiran untuk nasihat selanjutnya.

Semasa menggunakan Lamivudine Tablets 150mg/300mg

Perkara yang perlu dilakukan

Jikalau anda mempunyai persoalan tentang penggunaan produk ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menyusu anak

Lamivudine dan virus boleh menyerap ke dalam susu ibu dan dinasihatkan bahawa wanita yang menghidap penyakit HIV dan sedang mengambil Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg tidak digalakkan menyusu anak mereka untuk mengelakkan daripada jangkitan HIV.

Anda tidak boleh mengadakan perhubungan seks tanpa perlindungan

Rawatan dengan Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg tidak mengurangkan risiko menyebarkan jangkitan HIV kepada orang lain melalui perhubungan seks atau pertukaran darah. Oleh itu, anda harus berterusan untuk mengambil pencegahan untuk mengelakkan daripada menyebarkan virus tersebut kepada orang lain.

Jangan berkongsi jarum

Berkongsi dadah atau jarum injeksi tidak selamat, walaupun orang itu sihat.

Elakkan daripada minuman keras/beralkohol

Elakkan daripada minuman keras semasa pengambilan Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg. Alkohol menambah risiko kerosakan pankreas atau hati.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Tidak ada maklumat mengenai kesan Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg semasa memandu atau menggunakan mesin.

Jikalau anda terasa abnormal atau luar biasa, sila panggil doktor anda.

LAMIVUDINE TABLETS 150MG/300MG

Lamivudine 150mg/300mg

Kesan-kesan sampingan

Sama seperti ubat lain, Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg kemungkinan boleh menyebabkan kesan sampingan untuk sesetengah orang, tetapi bukan semua orang yang mendapatkannya.

Semasa rawatan HIV anda, adalah susah untuk mengenalpasti samada suatu simptom adalah kesan sampingan daripada Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg atau daripada ubat-ubatan lain yang anda sedang ambil, ataupun kesan daripada penyakit HIV itu sendiri. Oleh itu, adalah mustahak untuk anda bincang dengan doktor anda mengenai sebarang perubahan dalam kesihatan anda.

Bersama-sama dengan kesan sampingan yang disenaraikan dibawah bagi Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg, keadaan yang lain boleh timbul semasa rawatan kombinasi terapi HIV. Adalah penting untuk anda baca maklumat lain mengenai "Kemungkinan kesan sampingan lain semasa rawatan kombinasi terapi HIV" dalam RiMUP ini.

Kesan Sampingan Biasa

- Sakit kepala
- Rasa loya
- Muntah
- Cirit-birit
- Sakit perut
- Letih, tidak bermaya
- Demam (suhu tinggi)
- Kesuluruhan rasa tidak sihat
- Sakit otot atau tidak selesa
- Sakit sendi
- Susah untuk tidur (insomnia)
- Batuk
- Hidung tidak selasa atau selsema
- Ruam
- Rambut gugur (alopecia)

Jika anda mengalami Kesan Sampingan

Sila beritahu doctor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang disenaraikan di atas menjadi lebih teruk, atau jika

anda memerhati sebarang kesan sampingan lain yang tidak terdapat di dalam senarai di atas.

Kemungkinan kesan sampingan lain semasa mengambil kombinasi terapi HIV

Kombinasi terapi termasuk Lamivudine mungkin menyebabkan keadaan lain tertimbul semasa rawatan HIV.

Jangkitan yang lama mungkin kembali semula.

Pesakit dengan infeksi HIV yang berlanjutan mempunyai sistem imunisasi yang lemah, dan lebih berpotensi untuk menghidapi infeksi yang serius (infeksi oportunistik). Apabila pesakit ini memulakan rawatan, mereka mungkin mendapati infeksi yang lama/terkandung timbul/kembali semula, menyebabkan tanda-tanda dan simptom-simptom keradangan. Tanda-tanda dan simptom-simptom ini mungkin disebabkan sistem imunisasi badan bertambah semakin kuat, oleh itu badan sedang mula melawan jangkitan tersebut.

Jika anda memerhati sebarang symptom infeksi semasa mengambil Lamivudine Tablets 150 mg/300 mg:

Beritahu doktor anda segera. Jangan ambil ubat lain untuk infeksi itu tanpa nasihat doktor anda.

Bentuk badan anda mungkin berubah

Orang yang mengambil kombinasi terapi HIV akan perasan bahawa bentuk badan mereka berubah. Ini adalah kerana terdapat pertukaran dalam pengedaran lemak:

- Kemungkinan kehilangan lemak dari kaki, lengan atau muka
- Tambahan lemak mungkin berkumpul di sekitar perut (abdomen), atau pada buah dada atau organ dalaman
- Ketulan lemak (kadang-kadang dipanggil *buffalo hump*) mungkin muncul di belakang leher

Belum diketahui apakah yang punca perubahan ini, ataupun kesan jangka panjang terhadap kesihatan anda. Jika anda memerhati sebarang perubahan dalam bentuk badan anda, sila beritahu doktor anda.

Laktik acidosis adalah jarang tetapi kesan sampingan yang serius

Sesetengah orang mengambil Lamivudine, atau ubat lain sepertinya (ubat NRTIs) akan mengalami keadaan laktik asidosis, bersama-sama dengan pembesaran hati.

Laktik asidosis disebabkan oleh pengumpulan laktik asid di dalam badan. Ia adalah jarang, tetapi jika berlaku, ia akan muncul selepas beberapa bulan dalam rawatan. Ia boleh mengancam nyawa, menyebabkan kerosakan organ dalaman.

Laktik asidosis lebih dialami oleh orang yang menghidapi penyakit hati, atau pada orang yang sangat gemuk, terutamanya wanita.

Simptom-simptom laktik asidosis termasuk:

- Pernafasan yang mendalam, pesat dan sukar
- Mengantuk
- Rasa kebas atau lemah anggota badan
- Rasa loya dan muntah
- Sakit perut

Semasa rawatan, doktor anda akan memerhati anda untuk simptom-simptom laktik asidosis. Jikalau anda mengalami mana-mana simptom-simptom yang disenaraikan di atas atau simptom-simptom lain yang merisaukan anda:

Jumpa doktor anda secepat mungkin.

Anda mungkin ada masalah dengan tulang anda

Sesetengah orang yang mengambil kombinasi terapi untuk HIV boleh mengalami suatu keadaan yang dipanggil osteonecrosis. Dengan keadaan

LAMIVUDINE TABLETS 150MG/300MG

Lamivudine 150mg/300mg

ini, sesetengah tisu tulang akan mati kerana kekurangan pengaliran darah ke tulang tersebut. Orang yang berpotensi mengalami keadaan ini adalah:

- Jika mereka mengambil kombinasi terapi untuk masa yang lama
- Jika mereka juga makan ubat anti-inflamatori yang dipanggil corticosteroids
- Jika mereka minum minuman keras
- Jika sistem imunisasi mereka sangat lemah
- Jika mereka terlalu berat

Tanda-tanda dan simptom-simptom osteonecrosis termasuk:

- Sendi yang kaku
- Kesakitan (terutamanya pada pinggul, lutut atau bahu)
- Kesusahan untuk bergerak

Jikalau anda memerhati simptom-simptom tersebut:

Beritahu doktor anda

Kesan lain mungkin muncul dalam ujian darah

Kombinasi terapi untuk HIV mungkin juga boleh menyebabkan:

Kenaikan paras asid laktik di dalam darah, suatu keadaan yang mengakibatkan laktik asidosis walaupun jarang

Kenaikan paras gula dan lemak (triglycerides dan kolesterol) di dalam darah

Rintangan kepada insulin (jika anda menghidapi diabetes, anda mungkin perlu menukar dos insulin anda untuk mengawal gula darah anda)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Lamivudine Tablets 150mg/300mg

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, dalam bungkus asal untuk melindungi ubat.

Pelupusan

Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya. Pulang ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan ubat yang tidak digunakan jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam air kumbahan atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Lamivudine Tablet 150mg adalah putih, bulat, biconvex, bersalut dengan tanda TMT pada satu permukaan dan satu garis patah pada permukaan sebelah.

Lamivudine Tablets 300mg adalah putih, bulat, biconvex, bersalut dengan tanda L300 pada satu permukaan dan tidak bertanda pada permukaan sebelah.

Bahan kandungan

Ramuan aktif

Ramuan aktif ialah lamivudine.

Tablet juga mengandungi bahan-bahan tidak aktif yang lain:

Microcrystalline cellulose, sodium starch glycollate, Colloidal silicon dioxide, Povidone (K-30), Magnesium Stearate, Opadry White (Hydroxy Propyl methylcellulose 2910/Hypromellose 5cP USP, Titanium dioxide USP, Polyethylene glycol 400 (Macrogol) NF) dan Purified water.

Nombor MAL

Lamivudine Tablets 300 mg – MAL11030100A

Lamivudine Tablets 150 mg – MAL12045010A

Pengilang

Strides Arcolab Limited

36/7, Suragajakkanahalli, Indlavadi Cross, Anekal Taluk,

Bangalore-562 106, INDIA.

Pemegang Pendaftaran Produk Ascent Pharmahealth Malaysia Sdn Bhd

Unit 304, Level 3, Uptown 2, 2 Jalan SS21/37, Damansara Uptown, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini risalah

30-04-2013